

Terma & Syarat

Terima kasih kerana melawati laman web ini. Sila baca Terma dan Syarat yang terkandung di sini dengan teliti. Dengan melayari dan/atau mengguna laman web ini, anda mengakui bahawa anda bersetuju dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini (termasuk, terma dan syarat lain yang dipautkan di bawah).

Dalam laman web ini, "kami", "Nestlé" dan/atau "Nestlé Group" merujuk kepada Wyeth Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd., dan juga syarikat-syarikat yang berkait dan/atau syarikat-syarikat bersekutunya, yang sesuai dengan konteksnya. "Anda" merujuk kepada sesiapa yang mengakses dan/atau mengguna laman web ini.

1. Keperluan Umur

Laman web ini bukan untuk digunakan oleh mana-mana individu bawah umur (iaitu, individu-individu yang tidak berumur sekurang-kurangnya 18 tahun) dan anda tidak boleh menggunakan laman web ini jika anda bawah umur.

2. Polisi Privasi Laman Web

Sebarang maklumat atau bahan peribadi yang dihantar kepada Nestlé Group adalah subjek kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Notis Privasi di: <https://www.wyethnutrition.com.my/ms/Kenyataan-privasi>.

3. Ketepatan, Kesempurnaan dan Ketepatan Masa Maklumat

Kami tidak bertanggungjawab sekiranya maklumat yang disediakan di laman web ini tidak tepat atau lengkap. Sekiranya anda bergantung kepada sebarang maklumat atau bahan di laman web ini, ia adalah atas risiko anda sendiri. Anda bersetuju bahawa anda bertanggungjawab untuk meneliti dan/atau memantau sebarang perubahan kepada bahan dan maklumat yang terkandung dalam laman web ini.

4. Pemberian/Penyiaran Maklumat

Sebarang komunikasi atau maklumat tidak peribadi yang bukan peribadi (*non-personal communication or material*) yang anda hantar atau siarkan kepada laman web ini melalui e-mel atau sebaliknya, termasuk sebarang data, soalan, komen, cadangan atau seumpamanya akan dianggap sebagai tidak sulit. Apa-apa sahaja yang anda hantar atau siarkan menjadi hak milik Nestlé Group dan boleh digunakan tanpa sebarang sekatan bagi apa-apa tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengeluaran semula, pendedahan, penghantaran, penerbitan dan penyiaran. Tambahan pula, Nestlé Group bebas untuk menggunakan bagi sebarang tujuan sekalipun (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembangunan, pembuatan, pengiklanan dan pemasaran produk)

sebarang teguran (*remarks*), idea, karya seni, ciptaan, pembangunan (*developments*), cadangan atau konsep atau seumpamanya yang terkandung dalam mana-mana komunikasi yang anda hantar atau berikan ke laman web ini. Penggunaan tersebut adalah tanpa pampasan kepada pihak yang menghantar atau menyiarkan maklumat tersebut. Dengan menyerahkan dan/atau menyiarkan maklumat, anda juga menjamin bahawa anda memiliki bahan/kandungan yang dikemukakan, bahawa ia tidak memfitnah dan bahawa penggunaan Nestlé Group tidak akan melanggar mana-mana hak pihak ketiga. Walaubagaimanapun Nestlé tidak bertanggungjawab untuk menggunakan maklumat yang diberikan dan/atau diserahkan.

5. Hak Harta Intelek

Semua hak cipta dan hak harta intelek lain dalam semua teks, imej dan bahan lain di laman web ini adalah hak milik Nestlé Group atau disertakan dengan kebenaran pemilik yang berkaitan.

Anda dibenarkan untuk melayari laman web ini, dan menghasilkan semula ekstrak laman web ini dengan cara mencetak, memuat turun ke cakera keras atau untuk tujuan pengedaran kepada individu lain. Ini boleh dilakukan dengan syarat bahawa anda mengekalkan semua hak cipta dan notis proprietary (*proprietary notices*) yang lain dan bahawa notis tanda dagangan di bawah muncul pada penghasilan semula tersebut. Penghasilan semula mana-mana bahagian laman web ini tidak boleh dijual atau diedarkan bagi keuntungan/keuntungan komersial dan tidak boleh diubah suai atau digabungkan dalam mana-mana karya, penerbitan atau laman web lain.

Sebarang tanda dagangan, logo, karakter dan tanda perkhidmatan (*service marks*) (secara kolektif, "Tanda Dagangan") yang dipaparkan di laman web ini adalah kepunyaan atau dilesenkan secara eksklusif kepada Nestlé Group. Tiada apa-apa yang terkandung di laman web ini yang boleh ditafsirkan sebagai pemberian sebarang lesen atau hak kepada sesiapa untuk menggunakan mana-mana Tanda Dagangan yang dipaparkan di laman web ini. Penggunaan/penyalahgunaan Tanda Dagangan yang dipaparkan di laman web ini, atau pada mana-mana kandungan lain di laman web ini, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini, adalah dilarang sama sekali. Anda juga dinasihatkan bahawa Nestlé akan menguatkuasakan hak harta intelektualnya dengan sepenuhnya mengikut undang-undang termasuk pendakwaan jenayah bagi kesalahan serius.

6. Pautan kepada Laman Web Lain

Pautan dalam laman web Nestlé Group mungkin membawa anda di luar rangkaian Nestlé Group dan Nestlé Group tidak bertanggungjawab bagi sebarang kandungan, ketepatan atau fungsi laman web lain tersebut. Pautan tersebut disediakan dengan niat suci hati dan Nestlé Group tidak boleh

dipertanggungjawabkan bagi sebarang perubahan dalam laman web lain yang kami sediakan pautannya. Kemasukan sebarang pautan kepada laman web lain di sini tidak bermakna bahawa Nestle Group memberi pengendorsan terhadap laman web lain tersebut. Kami amat mengesyorkan bahawa anda membaca dengan teliti notis undang-undang dan notis privasi semua laman web lain yang anda lawati dan/atau layari.

7. Waranti dan Penafian

Penggunaan laman web ini oleh anda adalah semata-mata atas risiko anda sendiri

8. Waranti

Laman Web ini disediakan kepada anda atas dasar "Seperti yang Ada" dan "Seperti yang Disediakan" ("*As-Is*" and "*As Available*" basis) dan, sebagai akibat daripadanya, Nestlé Group tidak memberi sebarang waranti dalam apa jua cara sekalipun, sama ada secara nyata, secara tersirat (*implied*), secara berkanun atau sebaliknya (termasuk waranti tersirat kebolehdagangan dan kesesuaian untuk suatu tujuan tertentu) termasuk waranti atau representasi bahawa bahan-bahan di laman web ini adalah lengkap, tepat, boleh dipercayai, tepat pada masa (*timely*), tidak melanggar hak pihak ketiga; bahawa akses kepada laman web ini tidak akan terganggu atau bebas ralat (*error-free*); bahawa laman web ini adalah selamat, bahawa sebarang nasihat atau pendapat yang didapati daripada Nestlé Group melalui laman web ini adalah tepat dan boleh dipercayai dan sebarang representasi atau waranti yang sedemikian dinafikan secara nyata di sini. Kami merizabkan hak kami untuk menyekat atau menamatkan akses anda ke laman web ini atau mana-mana fungsi/ciri laman web ini atau mana-mana fungsi/ciri atau sebahagian daripadanya pada bila-bila masa.

9. Liabiliti

Nestlé Group atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam mewujudkan, menghasilkan atau menyampaikan laman web ini bagi pihak kami tidak akan mempunyai dan/atau tidak akan mempunyai sebarang liabiliti atau sebarang tanggungjawab sekalipun untuk membayar apa-apa ganti rugi sama ada secara langsung, sampingan, berbangkit, tidak langsung atau punitif, sebarang kos, apa-apa kerugian atau sebarang liabiliti sekalipun dalam apa jua cara yang berbangkit daripada akses anda kepada laman web ini, penggunaan laman web ini oleh anda, ketidakupayaan untuk anda menggunakan laman web ini, perubahan kandungan dalam laman web ini atau yang berbangkit daripada laman web lain yang anda akses melalui suatu pautan daripada laman web ini atau daripada apa-apa tindakan yang kami ambil atau tidak ambil sebagai akibat apa-apa mel elektronik yang anda hantar kepada kami.

Nestlé Group dan mana-mana pihak lain yang terlibat dalam mewujudkan, menghasilkan atau menyampaikan laman web ini tidak mempunyai dan/atau tidak akan mempunyai sebarang tanggungjawab untuk mengekalkan/menyelenggara apa-apa bahan dan perkhidmatan yang disediakan di laman web ini atau untuk membekalkan sebarang pembetulan, mengemas kini atau keluaran yang berkaitan dengannya. Sebarang bahan di laman web ini terlakuk kepada perubahan tanpa notis.

Sehubungan dengan itu, Nestlé Group tidak mempunyai dan/atau tidak akan mempunyai apa-apa tanggungjawab dalam apa jua cara sekalipun untuk sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau yang disebabkan oleh virus yang mungkin menjangkiti komputer atau harta benda lain anda kerana anda menggunakan, mengakses, atau memuat turun sebarang bahan daripada laman web ini. Jika anda memilih untuk memuat turun apa-apa bahan dari laman web ini, anda melakukannya atas risiko anda sendiri.

10. Aktiviti-aktiviti yang Dilarang

Anda dilarang daripada melakukan sebarang tindakan yang Nestlé Group dalam budi bicaranya yang munasabah menanggap sebagai tidak berpatutan/senonoh (*inappropriate*) dan/atau akan dianggap sebagai tindakan yang menyalahi undang-undang atau dilarang oleh mana-mana undang-undang yang boleh terpakai kepada laman web ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Sebarang tindakan yang mampu melanggar hak privasi (termasuk memuat naik maklumat peribadi seseorang individu tanpa kebenaran individu yang berkenaan) atau mana-mana hak undang-undang individu yang lain;
- Menggunakan laman web ini untuk memfitnah Nestlé Group, pekerjaanya dan/atau individu yang lain atau bertindak dalam apa jua cara yang mencemarkan dan/atau mampu mencemarkan nama baik Kumpulan Nestlé; dan
- Memuat naik fail yang mengandungi virus yang mampu merosakkan harta Nestlé Group atau harta individu-individu yang lain.

11. Bidang Kuasa dan Undang-undang yang Mengawal

Sebarang produk, bahan-bahan, tawaran dan maklumat Nestlé Group yang terdapat di laman web ini adalah untuk pengguna dan/atau pelanggan Malaysia sahaja. Nestlé Group tidak membuat sebarang representasi bahawa sebarang produk, bahan dan maklumat di laman web ini adalah sesuai atau disediakan di lokasi-lokasi lain selain daripada Malaysia. Sila hubungi pengedar tempatan kami untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang produk-produk yang terdapat di negara anda. Produk-produk yang terdapat di laman web ini

adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak merupakan saiz, warna (dan seumpanya) produk-produk tersebut yang sebenar.

Anda dan Nestlé Group bersetuju bahawa sebarang kontroversi atau tuntutan yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan penggunaan laman web ini akan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan diserahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

12. Penggunaan “Cookies”

Nestlé Group menggunakan teknologi pengesanan (“cookies”). Polisi Nestlé Group berkenaan penggunaan *cookies* tersebut dinyatakan dalam polisi privasi dan maklumat peribadi yang terdapat di: <https://www.wyethnutrition.com.my/ms/Kenyataan-privasi>.

13. Pengemaskinian Notis Undang-undang

Kami merizabkan hak kami untuk membuat sebarang perubahan dan pembetulan kepada notis ini. Sila rujuk kepada halaman ini dari semasa ke semasa untuk meneliti sama ada terdapat sebarang perubahan atau pembetulan dan sebarang maklumat tambahan yang baru.

14. Penggunaan Stesen Fotografi

Mengambil gambar kanak-kanak di bawah umur 1 tahun* di Stesen Fotografi laman web ini tidak dibenarkan sama sekali. Pemantauan ibu-bapa diperlukan untuk mengambil gambar kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

*Nota: Nestlé dan/atau Nestlé Group komited serta menyokong penuh Kod Antarabangsa Pemasaran Pengganti Susu Ibu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi & Produk Berkaitan Malaysia di mana kami tidak membenarkan sebarang aktiviti yang melibatkan bayi 0-12 bulan atau kanak-kanak di bawah 1 tahun atau apa jua aktiviti yang dilihat sebagai mempromosikan produk tersenarai di bawah kod-kod tersebut.

15. Tawaran Khas

- a) Untuk masa yang terhad, anda boleh memenangi baucer diskaun dengan melengkapkan aktiviti yang tertentu di laman web ini (tertakluk kepada terma dan syarat). Sila klik di [sini](#) untuk terma dan syarat tawaran tersebut.
- b) Untuk masa yang terhad, anda juga boleh memenangi bekas makanan “Skip Hop” dengan melengkapkan beberapa aktiviti yang tertentu di laman web ini (tertakluk kepada terma dan syarat). Sila klik di [sini](#) untuk terma dan syarat tawaran tersebut.